

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. HAJI IZANI BIN HUSIN  
[ PENGKALAN CHEPA]**

**TARIKH : 23 MAC 2017**

**SOALAN :**

- **YB Dr. Haji Izani Bin Husin [ Pengkalan Chepa ]** minta **PERDANA**
- **MENTERI** menyatakan apakah langkah konkrit Kerajaan dalam
- menyelesaikan masalah ketirisan dalam agensi Kerajaan yang telah
- menyebabkan kehilangan berbilion ringgit seperti dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui isu-isu yang dibangkitkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara, Kerajaan mengambil 2 langkah iaitu '*corrective action*' dan '*punitive action*'. Melalui tindakan '*corrective action*', Kerajaan memastikan isu-isu yang dibangkitkan telah diambil tindakan penambahbaikan. Penyelesaian isu-isu ini dipaparkan di portal AG Dashboard. Manakala bagi isu-isu yang mengandungi unsur-unsur pembaziran, penyelewengan, pemborosan, kecuaiian dan pelanggaran peraturan dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Polis Diraja Malaysia untuk diambil tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.